JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of
Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 5 (1) | JUN 2025: 127-145
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 5 Mei 2025 Diterima: 15 Jun 2025 Atas Talian: 30 Jun 2025

PERANAN IBU BAPA DALAM MELAHIRKAN HUFFAZ AL-QURAN YANG CEMERLANG DI ERA KECERDASAN BUATAN (AI)

THE ROLE OF PARENTS IN BRINGING OUTSTANDING AL-QURAN HUFFAZ (REMEMBERS) IN THE ERA OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

[*i]Hayati Hussin, [ii]Abdul Rahim Ahmad, [iii]Muhammad Hafiz Saleh,
[iv]Norullisza Khosim, [v]Noor Hafizah Mohd Haridi, [vi]Mardhiyah Yahaya

[i,iii,vi]Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, [vi,] Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

[ii] Felo Institut Kajian Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Selangor, Malaysia

[v] Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor, 43000 Selangor, Malaysia

Corresponding author: [*]hayati.hussin@usim.edu.my

DOI: https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v5.336

ABSTRAK

Seiring dengan perkembangan semasa teknologi abad ke-21 ini, penggunaan aplikasi teknologi multimedia (ATM) dalam sektor pendidikan tahfiz berpotensi untuk melahirkan hufaz yang berpengetahuan, berkemahiran serta berdaya saing. Kepelbagaiaan ATM dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mampu melahirkan generasi huffaz al-Quran yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan huffaz al-Quran yang cemerlang. Ibubapa merupakan murabbi pertama serta menjadi suri teladan utama dalam kehidupan anak-anak. Walaubagaimanapun kebanyakan ibu bapa tidak menyedari atau kurang mengetahui bahawa mereka memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan golongan huffaz yang cemerlang, gemilang dan terbilang memenuhi kehendak masyarakat, ummah dan negara di era kecerdasan buatan. Justeru kajian ini bertujuan untuk membentangkan peranan ibu bapa dalam melahirkan huffaz yang cemerlang di era kecerdasan buatan (AI). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk analisis dokumen. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan metode dokumentasi, iaitu melalui penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan, ensiklopedia dan lain-lain lagi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat enam strategi utama yang perlu diketahui oleh setiap ibu bapa yang menginginkan anak-anak mereka berjaya menghafaz al-

Quran dengan cemerlang iaitu Pertama: Pertama: Ibu bapa sebagai pembimbing rohani. Kedua: Ibu bapa sebagai pengurus masa dan disiplin anak. Ketiga: Ibu bapa Sebagai Penyokong Emosi Dan Motivator. Keempat: Ibubapa Sebagai Penilai dan Pemantau Progres Hafazan. Kelima: Ibubapa Sebagai Pengurus Teknologi yang Bijak. Keenam: Ibubapa Sebagai Rakan Hafazan. Hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa mengenai tanggungjawab dan peranan yang perlu diambil bagi memastikan anak-anak berjaya menghafaz al-Quran dengan cemerlang di era kecerdasan buatan.

Kata kunci: Peranan Ibu Bapa, Huffaz Al-Quran, Cemerlang, Era kecerdasan buatan (AI)

ABSTRACT

Along with the current development of 21st century technology, the use of multimedia technology applications (ATM) in the tahfiz education sector has the potential to produce knowledgeable, skilled and competitive huffaz. The diversity of ATM in teaching and learning methods is able to produce a generation of excellent huffaz al-Quran in various fields. Parents play a very important role in producing excellent huffaz al-Quran. Parents are the first murabbi and are the main role models in the lives of children. However, most parents are not aware or do not know much that they play a very important role in producing excellent, brilliant and distinguished huffaz who meet the needs of society, the ummah and the country in the era of artificial intelligence. Therefore, this study aims to present the role of parents in producing excellent huffaz in the era of artificial intelligence (AI). This study is a qualitative study in the form of document analysis. Data collection was carried out using the documentation method, namely through scientific writing such as books, journals, conference papers, encyclopedias and others. The study findings show that there are six main strategies that every parent who wants their children to be successful in memorizing the Quran excellently needs to know, namely: First: Parents as spiritual guides. Second: Parents as time managers and children's discipline. Third: Parents as emotional supporters and motivators. Fourth: Parents as evaluators and monitors of memorization progress. Fifth: Parents as wise technology managers. Sixth: Parents as memorization partners. The findings of this study can be used as a guide for parents regarding the responsibilities and roles that need to be taken to ensure that children are successful in memorizing the Quran excellently in the era of artificial intelligence.

Keywords: Role of Parents, Huffaz Al-Quran, Excellent, Era of artificial intelligence (AI)

PENDAHULUAN

Kemunculan era kecerdasan buatan (AI) telah mengubah landskap kehidupan moden, begitu juga dalam isu pendidikan termasuklah pendidikan Islam. Terdapat pelbagai inovasi diperkenal dan diaplikasi menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih mudah dan menarik. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kreatif boleh membantu pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran manakala guru pula berjaya mencapai objektif pengajaran. Penggunaan teknologi

multimedia(PTM) dalam PdP merupakan satu inovasi yang terus berkembang maju. Menurut (Chan, 2013; Chiang & Tu, 2016) inovasi berterusan terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran dikatakan perlu bagi mempertingkatkan keberkesanan penggunaannya. Hal ini kerana, aplikasi bahan multimedia dalam proses pembelajaran mempunyai banyak kelebihan sekiranya digunakan secara betul (Ghuloum, 2010; Taylor et al., 2007), terutama dalam menarik perhatian pelajar di dalam kelas (Barkhaya & Abd Halim, 2016). Dalam konteks kajian international society for technology in education (ISTE, 2007) telah membangunkan satu piawaian iaitu national educational technology standards for students (NETS.S) agar lebih memfokus kepada aspek kemahiran dan kepakaran menggunakan teknologi masa kini demi memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 yang mengharapkan pelajar menggunakan media digital untuk berkomunikasi, berinteraksi, berkolaborasi serta berkongsi maklumat bersama rakan-rakan dengan menggunakan pelbagai media digital.

Era kecerdasan buatan (AI) menyediakan pelbagai kemudahan teknologi yang boleh membantu proses hafazan al-Quran walaubagaimanapun ramai ibu bapa masih bergelut untuk mengimbangi penggunaan teknologi dengan pendidikan rohani anak-anak. Pendedahan kepada gajet, media sosial dan hiburan digital sering mengganggu fokus anak, termasuk mereka hafazan al-Quran. Dalam konteks ini, timbul persoalan sejauh mana ibu bapa memainkan peranan berkesan dalam membentuk persekitaran yang menyokong pembentukan Huffaz yang cemerlang secara holistik. Anak-anak kini terdedah kepada gajet, aplikasi hiburan, dan media sosial sejak kecil. Walaupun teknologi membawa manfaat besar dalam penyampaian ilmu, ia juga menjadi cabaran dalam usaha melahirkan Huffaz al-Quran. Oleh itu, peranan ibu bapa perlu ditingkatkan agar anak-anak tidak hanya menjadi pengguna teknologi pasif, tetapi menggunakannya untuk mendekatkan diri kepada al-Quran.

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Didikan dengan penuh kasih sayang daripada ibu bapa secara berterusan perlu diamalkan kepada anak-anak sejak mereka masih kecil. Pada peringkat kanak-kanak masih kecil dikatakan segala proses perkembangan dan pembentukan keperibadian akan mencorak kehidupan seseorang pada masa hadapan. Kamarul Azmi (2007) menyatakan tabiat dan kelakuan seseorang itu tercorak daripada didikan semasa kanak-kanak. Tatacara kehidupan seorang pelajar itu merupakan cerminan kepada didikan yang telah diterima sebelum mereka meningkat dewasa atau semasa proses mereka membesar. Menurut Abdul Munir (2020), Ibu bapa hendaklah peka terhadap

keperluan anak mereka, baik dari segi kasih sayang, didikan agama dan keperluan harian. Gaya asuhan membentuk personaliti remaja yang baik dan mereka akan berasa lebih positif terhadap diri sendiri dan akhirnya menjadi orang dewasa yang berani dan yakin pada diri sendiri. Menurut Abd Rahim Rashid, Sufean Hussin dan Che Hasyim Hassan (2006), ibu bapa perlu bijak dalam menentukan gaya asuhan yang tertentu seperti demokratik, autokratik, atau permisif dimana perlu. Ibu bapa juga merupakan model yang terbaik untuk anakanak, kerana merekalah orang yang paling hampir dengan anak-anak. Segala apa yang dilakukan akan menjadi ikutan, tingkah laku baik atau tingkah laku tidak baik.

Menurut Muhammad Hafizan dan Mohamad Marzuqi (2023) dalam pendidikan Ibu bapa merupakan faktor luaran terpenting dalam mempengaruhi kejayaan dan keciciran seseorang pelajar kerana ahli keluarga merupakan orang yang paling hampir dengan pelajar (Muhammad Hafizan, 2019). Ibu bapa dan keluarga adalah pihak pertama yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak (al-Qabisi, 1955). Perkara ini disokong oleh Robiah (1998) yang menyatakan bahawa ibu bapa perlu menyokong usaha yang dilakukan oleh sekolah atau institusi kerana sokongan mereka ini akan membantu keberhasilan proses pembelajaran di sekolah. Zulkifli et.al (2018), Mohamad Johdi et.al (2012) dan Meer Zhar Farouk et.al (2006) turut menegaskan bahawa ibu bapa dan keluarga merupakan faktor penting dalam kecemerlangan seseorang pelajar dalam pencapaian akademik. Oleh itu peranan ibu bapa amat penting dan berpengaruh untuk memastikan anak-anak terus bermotivasi dalam meneruskan pembelajaran khususnya dalam pengajian tahfiz al-Quran.

Nurfatihah & Izuli Dzulkifli (2022) melaporkan bahawa dapatan kajian daripada Fauziah Hanim Fairuz Ain, Noraini dan Nazariah (2014) menunjukkan bahawa halangan paling besar bagi ibu bapa untuk memerhatikan anak-anak mereka adalah kerana mereka bekerja. Kesibukan ibu bapa menyebabkan anak-anak terbiar dan lebih berminat untuk melepak daripada melakukan perkara yang berfaedah. Di rumah juga, ibu bapa banyak mendedahkan anak-anak dengan pelbagai aktiviti yang melalaikan seperti melayari alam siber dan lain-lain. Tanpa pantauan daripada ibubapa, anak-anak boleh menjadi sukar dikawal dan akan dapat melayari laman web seperti laman web pornografi yang haram disisi Islam (Nor Azah Abd Aziz & Che Zarina Saari 2011).

Di dalam Islam kasih sayang ibu bapa kepada anak telah diatur. Kewajipan ini diberikan sedari anak di dalam kandungan lagi. Seorang anak mempunyai hak untuk menerima rawatan dan pemeliharaan (al-hadanah) daripada ibu bapa difahami sebagai pemeliharaan secara menyeluruh, baik dari segi kesihatan fizikal, mental, dan perkembangan pengetahuannya (Lajnah Pentashih Mushaf Al-Quran, 2014, dalam Juniawati, 2015). Ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan keperluan rohani anak-anak mereka. Sesuai dengan kedudukan rumah sebagai institusi pendidikan pertama, ibubapalah yang bertanggungjawab memberikan pendidikan agama, iman dan akhlak (Yahaya & Nam,2010). Mengikut pandangan Islam juga, kejatuhan moral anak-anak berpunca daripada ibu bapa yang lupa tanggungjawab mereka. Masalah sosial yang berlaku ke atas anak-anak disebabkan ibu bapa yang kurang peka dan kurang di dalam memberikan perhatian yang tinggi terhadap tingkah laku dan peribadi anak-anak. Ibu bapa berpendapat sudah cukup dengan menyediakan keperluan makanan dan tempat tinggal yang selesa kepada anak-anak tetapi tidak menunjukkan keprihatinan yang tinggi (Yahaya,2017). Yahaya (2008) berpandangan bahawa ibu bapa seharusnya boleh memainkan pelbagai peranan dalam membentuk disiplin dan peribadi anak-anak. Kecuaian ibu bapa untuk memahami peranannya yang sebenar menjadikan anak-anak hilang panduan dan keliru dalam menjalani hidupnya (Habibie Ibrahim.2018).

Hafazan merupakan salah satu pedagogi dalam pembelajaran turut membawa maksud suatu proses mental yang menekankan pengalaman yang bermakna, menyimpan dan mengeluarkan kembali pengalaman tersebut ketika diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Siti Suriyani Sulaiman, 2018). Kesimpulannya hafazan membawa maksud memelihara, mengingati, menjaga, mengawal apa yang telah dipelajari daripada lupa atau rosak supaya ia tidak hilang. Berdasarkan kajian sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia terhadap 368 pelajar Maahad Tahfiz Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk mendapati 13.6 % responden yang dikaji tidak berkeyakinan dapat mengekalkan hafazan mereka dan 22.0% daripada mereka bimbang tidak berjaya mengekalkan hafazan setelah tamat pengajian. (Abdul Hafiz bin Abdullah, et al. 2005) Ini bermakna 35.0% daripada 65.0% responden menghadapi masalah untuk memelihara, mengingati, menjaga, mengawal apa yang telah dihafaz daripada lupa dan hilang.

Menurut Rahil Mahyuddin, Jamiah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim (2000) proses hafazan mengandungi tiga peringkat. Peringkat pertama ialah perolehan, diikuti dengan peringkat pengekalan dan peringkat ketiga ialah perolehan kembali. Proses yang pertama di peringkat perolehan melibatkan proses memberikan perhatian kepada rangsangan dan mengekodkan ke dalam ingatan. Pada peringkat pengekalan pula, mengenal pasti di mana maklumat disimpan dan perolehan kembali melibatkan proses mengeluarkan maklumat daripada simpanan apabila diperlukan. Kaedah bagaimana mengingati ayat-ayat hafazan, mengekalkannya dalam tempoh yang lama atau meletakkan ayat-ayat tersebut dalam ingatan jangka panjang serta bagaimana para hafiz dan hafizah mampu mengeluarkan semula ayat-ayat yang telah dihafaz untuk disesuaikan dengan permasalahan atau kehidupan seharian amat perlu dikaji agar bertepatan dengan kehendak hafalan al-Quran itu sendiri iaitu memelihara kesucian kalamullah.

Menghafaz memerlukan kekuatan daya fikiran pada orang yang melakukannya. Dalam Bahasa Arab orang yang mempunyai daya ingatan yang kuat digelar sebagai *quwwatuz zakirah* (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014) Kemampuan otak untuk mengingat sesuatu yang dihafaz adalah sangat menakjubkan. Otak manusia hanya seberat sekitar satu kilogram mempunyai satu trillion neuron (sel otak). Purata manusia menggunakannya hanya 0.0001% bahkan kurang, daripada jumlah kapasiti otak yang sebenar. Otak manusia dibahagikan kepada neocortec, Limbic System dan Reptilian Complex. Ingatan manusia terletak dalam serebrum (otak besar) iaitu bahagian yang menutupi permukaan yang disebut neocortec. Neocortec ini merupakan bahagian yang digunakan untuk berfikir, berbicara, mendengar dan mencipta. Ia mempunyai dua bahagian fisiologi iaitu otak kiri dan kanan. Jika kedua-dua fungsi ini dioptimumkan serentak maka ingatan atau hafazan akan menjadi ingatan jangka panjang. (Irwan Widiatmoko, t.t:).

Berdasarkan huraian bahagian neocortec otak, maka hafazan boleh dibahagi kepada tiga peringkat iaitu hafazan serta merta, hafazan jangka pendek yang kebiasaannya melibatkan bahagian kiri. Manakala bahagian ketiga adalah hafazan jangka panjang yang melibatkan fungsi optimum dan bersepadu antara otak kiri dan kanan. Hafazan serta merta boleh kekal dalam dua saat atau kurang daripada itu, hafazan jangka pendek boleh kekal dalam beberapa minit, jam dan hari sementara hafazan jangka panjang boleh menyimpan semua maklumat yang telah dialami semenjak lahir lagi (Ab. Fatah Hasan, 1994).

Menurut Schunk D.H, hafazan mempunyai beberapa jenis iaitu hafazan jangka pendek dan hafazan jangka panjang. Hafazan jangka pendek mempunyai ciri kapasiti terhad, masa yang singkat dan separuh sedar. Hafazan jangka panjang adalah mempunyai kapasiti yang tidak terhad, penyimpanan kekal dan maklumatnya akan teraktif apabila digerakkan dan ianya terdiri daripada empat jenis. Pertamanya, hafazan episodic iaitu mengingat semula sesuatu kejadian yang pertama kali berlaku dan bermakna kepada diri sendiri. Kedua, hafazan semantic melibatkan pengumpulan pengetahuan tentang perkataan, konsep dan makna yang tersimpan secara jangka panjang. Ketiga, hafazan prosedur iaitu mengingat semula urutan perkara yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang dan akhir sekali hafazan visual adalah hafazan terhadap maklumat yang dikodkan dalam bentuk gambar, imej dan pemandangan. (Schunk D.H, 1996). Mengikut Mu'jam al-'Arabi al-Asasi, perkataan hafaz bermaksud menjaga sesuatu dan mengawalnya daripada hilang (Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh, 1989).

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Fatimah Zaharah Ismail et al., (2020) menekankan bahawa menghafaz ayat-ayat al-Quran merupakan suatu proses yang terbahagi kepada tiga peringkat utama. Ketiga-tiga peringkat ini adalah proses berbalik dan bertujuan untuk menghasilkan huffaz yang rasikh atau berkualiti. Rajah 1 dibawah menunjukkan peringkat-peringkat utama dalam proses menghafaz ayat al-Quran.



Rajah 1: Proses menghafaz ayat al-Quran

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa dalam melahirkan huffaz yang cemerlang perlu kepada pendekatan-pendekatan tertentu bagi menjamin kualiti dan pengekalan yang berpanjangan. Sesuai dengan kecerdasan buatan (AI) yang menawarkan pelbagai medium, ia sewajarnya dimanipulasi secara bijak oleh ibu bapa dan pendidik agar objektif hafazan dan pengulangan al-Quran dapat dijayakan. Dalam konteks ini, ibu bapa memainkan peranan penting sebagai fasilitator teknologi dan pembimbing rohani yang membantu anak-anak memilih aplikasi

yang sesuai, memantau penggunaan gajet secara beretika, serta memastikan pengulangan hafazan dilakukan secara konsisten. Penggunaan teknologi digital dalam pendidikan tahfiz membawa kepada penambahbaikan dalam kaedah hafazan para huffaz. Kepelbagaian dan perubahan ini, apabila disokong oleh penglibatan aktif ibu bapa, berpotensi membentuk generasi masa depan yang lebih kreatif, inovatif dan berkualiti agar dapat menyesuaikan diri dengan arus globalisasi yang dibawa oleh teknologi moden.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berteraskan kepada analisis dokumen, suatu kaedah yang amat sesuai untuk menyelidik isu-isu yang memerlukan pemahaman mendalam terhadap konteks, makna, dan kandungan yang terdapat dalam bahan-bahan bertulis. Pendekatan ini membolehkan penyelidik untuk meneliti dan menganalisis pelbagai jenis dokumen secara sistematik dan menyeluruh bagi memahami topik kajian secara lebih terperinci (Bowen, 2009). Melalui pendekatan ini, penyelidik tidak hanya menumpukan kepada apa yang terkandung dalam dokumen tersebut, tetapi turut mempertimbangkan bagaimana dan mengapa dokumen tersebut dihasilkan, serta implikasinya terhadap bidang yang dikaji.

Dalam konteks kajian ini, pengumpulan data dilakukan melalui metode dokumentasi, yang melibatkan penilaian dan penganalisisan pelbagai sumber penulisan ilmiah yang berkaitan dengan topik yang dikaji. Antara dokumen yang dianalisis termasuklah buku akademik yang mengandungi huraian teori dan konsep utama, jurnal penyelidikan yang menyediakan dapatan empirikal serta analisis kritikal, kertas kerja persidangan yang membincangkan isu-isu kontemporari, ensiklopedia yang memberi maklumat asas dan umum, serta dokumen rasmi seperti laporan penyelidikan dan artikel ilmiah lain yang diiktiraf dalam dunia akademik.

Kaedah dokumentasi ini membolehkan penyelidik mengakses data sekunder yang telah tersedia, yang bukan sahaja menjimatkan masa dan kos, tetapi juga menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas dan mendalam melalui triangulasi sumber. Pendekatan ini juga membolehkan penyelidik mengenal pasti trend, pola, perdebatan ilmiah, serta kesenjangan kajian yang masih wujud dalam literatur sedia ada (Mogalakwe, 2006). Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis), iaitu satu pendekatan sistematik dalam mentafsir makna yang tersirat dan tersurat dalam teks. Analisis kandungan membolehkan penyelidik mengenal pasti tema-tema utama, konsep berulang, serta wacana yang mendasari dokumen yang dikaji (Krippendorff, 2018).

Di samping itu, kajian ini turut menggunakan dua pendekatan pemikiran dalam analisis data, iaitu metode istiqra' (induktif) dan istidlal (deduktif). Metode istiqra' melibatkan proses membuat kesimpulan umum berdasarkan pemerhatian terhadap kes-kes atau data khusus. Sebagai contoh, penyelidik mengumpul pelbagai pendapat sarjana dalam beberapa karya dan kemudiannya merumuskan satu kesimpulan umum yang dapat mewakili pandangan mereka secara kolektif. Sebaliknya, metode istidlal ialah pendekatan deduktif, di mana penyelidik menggunakan prinsip umum atau teori yang diterima umum untuk menjelaskan fenomena atau kes tertentu yang khusus. Gabungan kedua-dua pendekatan ini memberikan fleksibiliti dan ketepatan dalam mentafsir data dan membina hujah yang kukuh serta logik (Najahudin Lateh et al., 2022).

Selain itu, melalui pendekatan ini, penyelidik dapat membandingkan dan menilai pelbagai perspektif yang terdapat dalam sumber-sumber yang dikaji bagi menghasilkan dapatan yang lebih objektif dan komprehensif. Oleh itu, kaedah ini merupakan satu pendekatan yang sesuai dalam kajian ini kerana ia membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang mendalam dan terperinci berdasarkan bukti-bukti yang telah didokumentasikan dalam sumber ilmiah yang berkaitan.

HASIL KAJIAN

Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting terhadap pendidikan anak-anak. Dalam pendidikan tahfiz, peranan ibu bapa amat membantu pencapaian anak-anak dalam menghafaz al-Quran. Kajian ini menjelaskan peranan yang perlu diambil oleh ibu bapa bagi memastikan anak-anak komited dan bersungguh-sungguh menghafaz al-Quran sehingga berjaya dan menjadi huffaz yang cemerlang. Hasil kajian yang dijalankan terdapat enam strategi utama yang perlu dilakukan oleh setiap ibu bapa yang menginginkan anak-anak mereka berjaya menghafaz al-Quran di era kecerdasan buatan iaitu:

Pertama: Ibubapa Sebagai Pembimbing Rohani

Ibu bapa perlu mendidik anak-anak dengan nilai keikhlasan dalam menghafaz al-Quran. Niat merupakan perkara asas dalam setiap ibadah, termasuk dalam usaha menghafaz al-Quran. Dalam Islam, niat adalah penentu kepada nilai sesuatu amalan kerana berkaitan dengan keikhlasan seseorang kepada Allah s.w.t. Siti Masriah et.al (2023) yang menyatakana bahawa

interaksi keluarga yang positif, pendidikan agama yang terintegrasi dalam kehidupan sehari-hari, dan teladan ibu bapa yang konsisten dalam pengamalan agama menjadi faktor penting dalam membentuk nilai-nilai yang baik kepada anak-anak.Oleh itu, keluarga dapat menjadi agen yang efektif dalam membantu anak-anak memahami dan menginternalisasikan nilai-nilai agama sejak usia muda.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk keiklasan anak-anak dalam menghafaz al-Quran. Niat yang ikhlas kerana Allah s.w.t. akan membantu anak-anak istiqamah dalam hafazan dan mendapat keberkatan.Ibu bapa perlu menerangkan kepada anak-anak bahawa menghafaz al-Quran bukan sekadar untuk memperoleh penghargaan, tetapi sebagai ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah. Ganjaran sebenar bukan di dunia tetapi di akhirat, sepertimana hadis Rasulullah s.a.w:

''خيرُكُم مَن تعلَّمَ القرآنَ وعلَّمَهُ''

Maksudnya: "Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar Al-Quran. dan mengajarkannya"

Berpandukan kepada hadis tersebut setiap orang memperolehi sesuatu mengikut apa yang seseorang niatkan. Dalam konteks pendidikan, seorang pelajar perlulah mempunyai niat yang betul serta ikhlas dalam memulakan hafazan al-Quran, kerana dengan niat yang ikhlas dapat membantu hafalan yang telah disasarkan untuk menjadi seorang hafiz dan hafizah.(Azman 2020). Ibu bapa adalah tunjang utama dalam membentuk niat yang ikhlas dalam diri anak-anak ketika menghafaz al-Quran. Ibu bapa perlu memberikan kefahaman serta menjadi tauladan serta sentiasa berdoa untuk anak-anak. Mereka juga perlu mengelakkan paksaan kerana akan memberikan kesan yang negatif. Ibu bapa juga bertanggunjawab untuk memastikan anak-anak menghafaz al-Quran dengan penuh keberkatan dan istiqamah. Dalam usaha mencorak dan mendidik anak-anak dari aspek luaran dan dalaman, mental dan emosi ibu bapa merupakan pendidik utama untuk menerapkan penghayatan nilai kehidupan, dan memainkan peranan penting dalam sokongan yang berpanjangan kepada anak-anak (Nik Azis dan Noraini, 2008).



Rajah 2: Ibu bapa sebagai penyokong emosi dan motivator

Kedua: Ibubapa Sebagai Pengurus Masa dan Disiplin Anak

Menurut Nor Hamizah Ab Razak(2023) bahawa pembentukan nilai positif dalam kalangan anak-anak adalah bermula dari rumah. Peranan ibubapa bukan setakat sebagai penjaga dan pendidik utama, malah sebagai rangkaian sokongan yang mempengaruhi keseluruhan kehidupan anak-anak. Rumah adalah tempat utama pendidikan bagi anak-anak, dan suasana yang diciptakan dalam rumah akan sangat mempengaruhi kecintaan mereka terhadap al-Quran. Dalam proses melahirkan Huffaz al-Quran yang cemerlang, peranan ibu bapa sebagai pengurus masa dan disiplin anak-anak adalah sangat penting, terutamanya di era kecerdasan buatan (AI) yang sarat dengan gangguan dan hiburan tanpa batas. Pengurusan masa dan disiplin yang konsisten membantu anak-anak membentuk rutin hafazan yang mantap serta mengurangkan risiko gangguan daripada penggunaan teknologi secara berlebihan. Dalam memastikan kelangsungan perkembangan pendidikan tahfiz, masa yang berkualiti diberikan oleh ibu bapa adalah amat penting kepada anak-anak. Hakikatnya, anak-anak sendiri merasakan ibu bapa perlu memberikan perhatian kepada pendidikan mereka ketika di rumah kerana perhatian oleh guru telah diperoleh di sekolah (Abd. Razak dan Norani, 2011). Peruntukan masa ibu bapa yang secukupnya kepada anak-anak dapat menyumbang ke arah mencapai matlamat hafazan yang telah dirancang.

Penglibatan ibu bapa dalam meluangkan masa dengan anak-anak boleh diaplikasikan dengan pelbagai cara, antaranya menemani anak menghafaz al- Quran, menyemak bacaan al-Quran, memantau tugasan yang diberikan oleh guru tahfiz, dan berbual tentang keperluan anak-anak dalam hafazan. Hal ini menunjukkan kecenderungan kepada ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan tahfiz anak- anak (Murihah et.al. 2015). Ibu bapa perlu membantu anak-anak menyusun jadual harian yang merangkumi waktu khas untuk menghafaz dan mengulang al-Quran (murajaah). Jadual ini mestilah realistik, mengambil kira keupayaan anak, dan konsisten. Masa yang sesuai biasanya selepas Subuh, selepas Maghrib, atau waktu-waktu di mana anak dalam keadaan tenang dan segar. Penggunaan peranti digital perlu dikawal dan diimbangi dengan masa untuk hafazan. Ibu bapa harus menetapkan masa 'bebas gajet' untuk fokus kepada hafazan dan ibadah. Pemantauan terhadap kandungan yang dilayari anak juga penting bagi mengelakkan unsur melalaikan. Disiplin tidak akan terbina tanpa pemantauan berterusan. Ibu bapa harus mengingatkan anak secara lembut tetapi tegas tentang tanggungjawab mereka sebagai Hafiz, serta memeriksa sejauh mana mereka mematuhi jadual yang ditetapkan.

Ketiga: Ibu bapa Sebagai Penyokong Emosi Dan Motivator

Menghafal al-Quran bukan sahaja satu cabaran dari sudut kognitif, tetapi juga dari sudut emosi dan spiritual. Ramai anak-anak mudah merasa letih, jemu, kecewa atau kurang motivasi, lebih-lebih lagi apabila mereka berhadapan dengan ayat-ayat panjang, berulang atau sukar. Di sinilah ibu bapa memainkan peranan penting sebagai penyokong emosi dan motivator utama yang menjadi sumber kekuatan psikologi dan semangat anak-anak. Menurut Goleman (1999), kecerdasan emosi adalah kebolehan individu menyedari, mengenal pasti dan mengurus emosinya sendiri serta mampu menjalin hubungan mesra dengan orang lain serta memiliki motivasi kendiri yang tinggi. Kesedaran emosi berkait rapat dengan bagaimana seseorang sedar akan proses-proses yang berlaku (Rieffe et al., 2008) semasa sesuatu emosi yang berlaku. Selain itu, kesedaran emosi juga berkait rapat dengan emotional intelligence (EI) seseorang (Ciarrochi, Chan & Bajgar, 2000). Kajian Ciarrochi, Chan dan Bajgar (2000) juga mendapati bahawa self-report measure of emotional intelligence (SEI), atau kesedaran emosi boleh diukur dalam kalangan ibu bapa sepanjang proses mendidik anak-anak. Ianya bermula semasa peringkat bayi lagi iaitu seawal usia kelahiran hingga dua tahun. Anak lahirnya seperti sehelai kanvas putih dan ibu bapalah yang mencorak kanvas itu dengan pelbagai warna. Dalam

mencorakkan peribadi anak-anak, ianya bermula dari pendidikan seawal usia kanak-kanak hasil didikan daripada ibu bapa. Di peringkat ini, banyak pembelajaran awal berlaku pada kanak-kanak. Sebilangan besar pembelajaran ini berlaku melalui interaksi dengan ibu bapa dan pemerhatian hubungan ibu bapa, yang merupakan tokoh pertama dan paling menonjol dalam kehidupan awal anak.(Khairun Nisa & Kamariah .2021).

Ibu bapa perlu sentiasa menyatakan kepercayaan bahawa anak mereka mampu menjadi Huffaz, walaupun pada awalnya lambat atau sukar. Pujian, pelukan, atau ungkapan positif yang konsisten akan membina keyakinan diri anak dan menggalakkan mereka terus berusaha. Ketika anak terlupa hafazan, tidak lancar, atau melakukan kesalahan berulang, mereka mudah rasa kecewa atau putus asa. Ibu bapa perlu mengelakkan tekanan atau marah, sebaliknya hadir dengan kata-kata yang membina, sabar dan penuh empati. Ibu bapa boleh membangkitkan semangat anak dengan menceritakan kisah tokoh Huffaz, sahabat Nabi, atau orang biasa yang berjaya menjadi penghafaz al-Quran. Mereka juga boleh menjadi inspirasi melalui contoh peribadi di antaranya ialah cuba menghafaz bersama anak. Motivasi ekstrinsik (luaran) juga penting, terutamanya bagi kanak-kanak. Ibu bapa boleh memberikan ganjaran kecil apabila anak mencapai sasaran hafazan. Namun, penting untuk menyeimbangkan dengan motivasi dalaman seperti cinta kepada Allah dan al-Quran.

Keempat: Ibubapa Sebagai Penilai dan Pemantau Progres Hafazan

Dalam usaha melahirkan Huffaz al-Quran yang cemerlang, peranan ibu bapa bukan sahaja terhad kepada memberi dorongan dan sokongan, malah perlu menjadi penilai dan pemantau yang aktif terhadap perkembangan hafazan anak-anak. Pemantauan yang konsisten bukan bertujuan untuk memberi tekanan, tetapi sebagai tanda prihatin, pendorong disiplin dan penjaga kualiti hafazan anak. Ibu bapa yang komited akan meluangkan masa untuk menyemak hafazan anak setiap hari atau mengikut jadual tertentu. Mereka bukan semestinya perlu mahir tajwid sepenuhnya, tetapi cukup untuk memantau kelancaran, sebutan asas, dan kesinambungan ayat yang dihafaz (Muhammad Ammar et.al, 2025). Dengan adanya teknologi atau jadual manual, ibu bapa boleh merekod berapa banyak ayat atau surah yang telah dihafal oleh anak. Ini penting untuk menilai sama ada sasaran hafazan bulanan tercapai, dan membantu guru atau ustaz dalam membuat penyesuaian jika perlu. Ibu bapa sebagai penilai dan pemantau bukan bertindak sebagai “pengawas”, tetapi sebagai pembimbing strategik dalam perjalanan anak menjadi seorang Hafiz yang berkualiti. Tindakan memantau secara konsisten, menyemak

hafazan, menetapkan sasaran serta bekerjasama dengan guru akan membantu memastikan hafazan anak bukan sekadar selesai, tetapi mantap dan berkesan.

Kelima: Ibubapa Sebagai Pengurus Teknologi yang Bijak

Dalam konteks era digital ini, mediasi ibubapa adalah perkara penting yang perlu difahami dan diamalkan. Mediasi ibubapa adalah strategi yang digunakan oleh ibubapa dalam memantau penggunaan media dan teknologi oleh anak mereka. Strategi ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan negatif, malah dapat memperkasakan pengetahuan dan mengasah kemahiran apabila menggunakan media teknologi (Haslina et al., 2021). Ibu bapa perlu mengenal pasti dan memperkenalkan anak kepada aplikasi atau platform digital yang bermanfaat untuk hafazan. Terdapat banyak aplikasi al-Quran yang interaktif dan sesuai untuk pembelajaran kanak-kanak serta remaja. Di antara aplikasi yang boleh digunakan untuk hafazan dan murajaah al-Quran ialah Quran App boleh digunakan untuk bacaan dan hafazan interaktif. Quran Companion iaitu aplikasi gamifikasi hafazan. Tarteel AI digunakan untuk menyemak bacaan hafazan secara automatik. Terdapat juga aplikasi Muslim Pro pula boleh digunakan untuk hafazan asas dan bacaan terjemahan. Ibu bapa berperanan menapis kandungan yang ditonton oleh anak agar sesuai dengan nilai Islam dan tidak melalaikan. Mereka boleh menggunakan aplikasi kawalan ibu bapa (parental control) untuk memantau laman web, video, atau permainan yang diakses. Walaupun teknologi penting, ibu bapa perlu menetapkan masa khusus untuk penggunaan gajet dan mengelakkan ketagihan digital. Masa yang berlebihan untuk permainan atau hiburan boleh mengganggu tumpuan anak dalam menghafaz al-Quran.

Sehubungan itu, mediasi ibu bapa terhadap penggunaan internet oleh remaja adalah penting dalam memantau dan membimbing remaja pada era kecerdasan buatan (AI). Pada asalnya pelaksanaan mediasi ibu bapa adalah terhadap aktiviti menonton televisyen oleh kanak -kanak. Bagaimanapun strategi ini mengalami perkembangan dengan munculnya penggunaan teknologi internet, media sosial serta komputer. Mediasi ibu bapa dalam konteks teknologi digital adalah bertujuan untuk anak-anak menggunakan media baharu seperti internet sebagai platform peluang untuk kembangkan kemahiran dan pengetahuan secara positif (Clark, 2011). Meskipun mediasi ini pada asalnya memfokuskan ke pada audien kanak-kanak, namun dengan perkembangan kecerdasan buatan (AI), maka boleh diguna pakai dalam konteks mediasi ibu bapa terhadap remaja. Tambahan pula, deklarasi oleh Unicef turut menetapkan bahawa ibu bapa bertanggungjawab dalam memastikan kanak-

kanak dan remaja menggunakan iternet dengan selamat.

Keenam: Ibubapa Sebagai Rakan Hafazan (Learning Partner)

Salah satu pendekatan paling berkesan dalam membentuk anak-anak sebagai Huffaz al-Quran ialah apabila ibu bapa bukan sekadar membimbing dan mengawasi, tetapi turut serta dalam proses hafazan sebagai rakan pembelajaran(Murihah et.al. 2015). Konsep "rakan hafazan" (learning partner) bermaksud ibu bapa berinteraksi secara aktif, menyertai, dan memberi maklum balas langsung terhadap hafazan anak-anak, menjadikan proses itu sebagai pengalaman bersama, bukan tanggungjawab anak semata-mata. Ibu bapa boleh memilih untuk menghafaz ayat atau surah yang sama dengan anak sebagai tanda sokongan dan penglibatan langsung. Ia menunjukkan komitmen bersama terhadap ilmu dan menjadikan anak lebih bersemangat kerana ibu bapa juga berusaha seperti mereka. Rakan hafazan tidak semestinya menghafaz bersama, tetapi boleh menjadi pendengar yang fokus ketika anak menyemak hafazan. Dengan mendengar secara teliti, ibu bapa boleh membantu mengesan kesilapan sebutan, tertinggal ayat, atau susunan yang tidak betul**.**

Ibu bapa sebagai rakan hafazan bukan hanya membantu hafazan anak dari luar, tetapi turut berada dalam perjalanan yang sama. Apabila menjadi learning partner, ibu bapa dapat memupuk rasa kebersamaan, mengurangkan tekanan anak, dan mencipta suasana rumah yang hidup dengan kalimah Allah. Usaha ini bukan sahaja melahirkan Huffaz yang cemerlang, malah membentuk keluarga yang diberkati dan berpaksikan al-Quran.

BIL	PERANAN IBU BAPA	PENERANGAN RINGKAS
1	Pembimbing Rohani	Membimbing anak dari aspek akidah, ibadah dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.
2	Pengurus Masa dan Disiplin Anak	Menyusun jadual harian yang seimbang serta membentuk disiplin waktu menghafaz.
3	Penyokong Emosi dan Motivator	Memberi galakan, sokongan moral dan emosi agar anak terus bersemangat menghafaz.
4	Penilai dan Pemantau Progres Hafazan	Menilai dan memantau kemajuan hafazan anak secara konsisten dan berkala.
5	Pengurus Teknologi yang Bijak	Mengawal dan memanfaatkan teknologi untuk membantu hafazan anak.

6	Rakan Hafazan	Terlibat secara langsung dalam aktiviti hafazan bersama anak untuk memberi semangat.

Rajah 3: Peranan ibu bapa dalam melahirkan huffaz al-Quran yang cemerlang di era kecerdasan buatan (AI)

KESIMPULAN

Kejayaan seorang huffaz al-Quran tidak seharusnya diukur semata-mata berdasarkan jumlah juzuk yang dihafaz, tetapi lebih penting lagi melalui keperibadian mulia, akhlak yang terpuji serta ketahanan diri dalam menghadapi ujian kehidupan. Hafazan yang mantap perlu disertai dengan kefahaman terhadap makna ayat-ayat suci dan pengamalan kandungannya dalam kehidupan seharian. Dalam hal ini, peranan ibu bapa amat besar dan tidak boleh dipandang remeh. Mereka bukan sekadar penyokong dari sudut akademik atau hafazan semata-mata, malah menjadi pembimbing rohani yang membentuk suasana keluarga yang seimbang baik dari segi emosi, spiritual, dan moral. Penanaman nilai ikhlas dalam diri anak-anak perlu dilakukan sejak awal agar niat mereka dalam menghafaz al-Quran adalah kerana Allah s.w.t, bukan semata-mata untuk meraih ganjaran atau pengiktirafan manusia. Ibu bapa juga bertanggungjawab memastikan anak-anak bukan sekadar menghafaz tetapi memahami konteks dan pengajaran al-Quran serta menjadikan ia sebagai panduan hidup. Dalam era teknologi dan kecerdasan buatan (AI) yang semakin pesat ini, cabaran pendidikan rohani sememangnya besar. Namun, ia bukan alasan untuk menyerah atau berundur. Sebaliknya, ibu bapa perlu bijak mengambil peluang dengan menggunakan teknologi sebagai alat sokongan untuk memperkukuh hafazan dan memperkayakan pemahaman anak-anak terhadap al-Quran. Didikan dan bimbingan yang konsisten, strategi pendidikan yang terancang, serta penggunaan teknologi yang bijaksana, anak-anak dapat dibentuk menjadi generasi yang bukan sahaja celik digital, malah berjiwa al-Quran. Mereka akan membesar sebagai individu seimbang mahir dalam dunia moden tetapi tetap berpaksikan nilai-nilai Islam yang kukuh. Justeru, ibu bapa perlu sedar bahawa mereka bukan hanya penjaga keperluan jasmani anak-anak, tetapi juga merupakan arkitek utama yang mencorak masa depan spiritual dan moral generasi pewaris ummah. Kejayaan sebenar dalam melahirkan huffaz yang cemerlang bukan terletak kepada berapa banyak hafazan yang diingati, tetapi pada sejauh mana al-Quran itu hidup dalam jiwa dan amalan anak-anak. Maka, marilah kita sebagai ibu bapa terus berusaha menjadi pendidik, pembimbing dan pemimpin rohani yang membentuk anak-anak menjadi insan berakhlak tinggi, mencintai al-Quran, serta bersedia menghadapi cabaran zaman dengan iman dan ilmu.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk: Model Baharu Ulangan Hafazan Al-Quran Efisien Berdasarkan Hadis Nabawi Melalui Pendekatan Motivasi Intrinsik Dan Extrinsik Ke Arah Pembentukan Huffaz Rabbani. Kod Penyelidikan (Ref: FRGS/1/2022/SSI13/USIM/02/5).

RUJUKAN

Ab. Fatah Hasan. (1994). *Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Abd. Razak Zakaria dan Norani Mohd Salleh (2011). *Konteks Keluarga dan Hubungannyadengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah*.Jurnal Pendidikan Malaysia 36(1)(2011): 35-44.

Abdul Hafiz bin Abdullah, Hussin Saloman, Azmi Shah Sutratman, Sulaiman Shakib Mod Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Abdul Basit Samat.(2005). *"Kajian Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an yang Efektif: Satu Kajian di Negeri Selangor dan Terengganu. " Selangor*.

Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali Universiti Pendidikan Sultan Idris (2020), *Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka.* Jurnal Perspektif Jil. 8 Bil. 2.Halaman:1-10.

Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh. (1989). *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi. Al-Munazimah al-'Arabiyya Al-Ahwany.*

Aisyah Zulkefli1 & Izuli Dzulkifli2 Peranan. (2022). *Ibu Bapa Dalam Pembelajaran Tahfiz Anak-Anak Di Rumah Nurfatihah* e-Prosiding SETIA Seminar Pelajar Tahun Akhir Prasiswazah Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah.

Bowen, G. A. (2009). *Document Analysis as a Qualitative Research Method*. Qualitative Research Journal, 9(2), 27–40.

Che Mat, Azman and Wan Adnan, Wan Ainun Sailah and Awang, Azarudin and Wan Jusoh, Wan Noor Hazlina. (2020). *Tahap Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz*. Journal of Contemporary Islamic Studies bil (5)2.

Ciarrochi, J., Chan, A.Y.C, & Bajgar, J. (2000). *Measuring Emotional Intelligence In Adolescents.* Personality And Individual Differences, 31, 1105-1119.

Clark, L. (2011). *Parental mediation theory for the digital age*. Communication theory. 21, 323–343.

Daneels, R., & Vanwynsberghe, H. (2017). *Mediating social media use: connecting parents' mediation strategies and social media literacy. Cyberpsychology*: Journal of Psychosocial Research on Cyberspace. 11(3), article 5.

Fatimah Zaharah Ismail, Nor Hafizi Yusof, Ahmad Farimin Ahmad Osman, Rahimah Embong, Najmiah Omar, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil, Mariam Nabilah Mohd Noor, Mohd. A'Tarahim Mohd. Razali, & Rosmalizawati Abd. Rashid. (2020). *Strategi Murajaah Al-Quran Bagi Huffaz Di Peringkat Tertiari.* BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(4), 177–189.

Habibie Ibrahim,Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad. (2018). *Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja*. Asian Social Work Journal, Vol: 3, Issue 5, Hlm: 18-24.

Haslina Mohamed Hassan, Mohd Azul Mohamad Salleh, Abdul Latiff Ahmad. (2021). *Keibubapaan Digital dan Mediasi Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Internet Remaja di Malaysia*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities(MJSSH),Volume 6, Issue 8, (page 121-132), 2021DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.914

Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang.* (Successful Family Education and Development. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.

Khairun Nisa Binti Md Isa1, Kamariah Abu Bakar. (2021). *Hubungan antara Emosi Ibu Bapa dengan Kanak-kanak dan Kepentingannya Terhadap Perkembangan Awal Kanak-kanak Malaysian* Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 258 - 266), DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.857.

Krippendorff, K. (2018). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (4th ed.). SAGE Publications.

Mogalakwe, M. (2006). *The Use of Documentary Research Methods in Social Research. African Sociological Review*, 10(1), 221–230.

Muhammad Ammar Farhan Ramlan, Elmi Baharuddin, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Nailah Ab Aziz. (2025). Kaedah Hafazan Akademi Al-Quran Amalillah (Akmal) Speed Tahfiz Program (STP). International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC). Volume 10, Issue 57, 960-972.

Muhammad Hafizan Abd Hamid & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2023). *Faktor Keciciran Pelajar Tahfiz al-Quran di Malaysia*, (Universiti Tenaga Nasional & Universiti Pendidikan Sultan Idris) E-Prosiding International Conference On Professional Huffaz 2023 (Infaz) Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman. *Identifikasi Peranan Ibu Bapa Dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak*. (2015). Conference: Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (IsPEN 2015). At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Najahudin Lateh, Mohd Zaki Mustapha, & Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2022). *Kaedah Penyelidikan dalam Pengajian Islam*. Penerbit Universiti Malaya.

Najahudin Lateh, Muhamad Rahimi Osman, Ghafarullahhuddin Din. (2022). *Historiografi Penubuhan Program Plus Tahfiz di Universiti Teknologi MARA berpandukan Model ADDIE*. Journal of Contemporary Islamic Studies Vol. 8, Issue 1 (2022) 189-206 https://doi.org/10.24191/jcis.v8i1.9.

Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris (2008). *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*. Utusan Publication.

Nor Azah Abd Aziz & Che Zarina Saari. (2011). *Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapisan, Penguatkuasaan Undang-undang dan Amalan Spiritual.* Journal of Islamic and Arabic Education. 3(1): 29-46.

Nor Hamizah bt Ab Razaki, Norhafisah Abd Rahmanii & Amnah Zanariah Abd Razak. (2023). *Penglibatan Ibubapa Dalam Penggunaan Teknologi Digital Dan Internet Kanak-Kanak Dan Remaja.* E-Prosiding SAIS 2023 Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2023.

Rahil Mahyuddin, Jamiah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim *Kajian Terhadap Prinsip Asas Dan Metodologi Hafazan Al-Quran*. (2000).

Rieffe, C., Oosterveld, P., Miers, A.C., Terwogt, M.M., & Ly, V. (2008). Emotion Awareness And Internalising Symptoms In Children And Adolescents: The Emotion Awareness Questionnaire Revised. Personality And Individual Differences, 45, 756-761.

Schunk D.H. (1996). Learning Theories. Second edition. New Jersey. USA: Prentice Hall,Inc.

Siti Masriah , Acep Nurlaeli, Akil (2023). *Peran Keluarga Dalam Pembentukan Nilai-Nilai Agama Pada Anak Usia Dini*. Jurnal ANSIRU PAI, 7(2), 325.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Hebatnya Kuasa Hafazan*. Kuala Lumpur : PTS Islamika Sdn. Bhd.